

**MALAYSIA**  
**DEWAN NEGARA**  
**ATURAN URUSAN MESYUARAT**

**NASKHAH SAHIH/BAHASA MALAYSIA**

<http://www.parlimen.gov.my>

**HARI SELASA, 19 MAC 2024, PUKUL 10.00 PAGI**

**Bil. 3**

---

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN**

1. PN-1531-L11301  
**Senator Tuan Nik Mohamad Abduh bin Nik Abdul Aziz** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan strategi dasar jangka pendek bagi menguruskan rintangan ekonomi bagi mendepani kejatuhan nilai ringgit.
  
2. PN-1531-L11149  
**Senator Datuk Seri Hajah Zurainah binti Musa** minta **MENTERI PERLADANGAN DAN KOMODITI** menyatakan usaha yang sedang dilakukan untuk menyelesaikan keperluan kira-kira 40,000 tenaga kerja asing dalam sektor perladangan kelapa sawit. Sejauh mana usaha yang dilakukan ini telah berkesan secara kuantitatif dalam menurunkan bilangan pekerja yang diperlukan di ladang kelapa sawit.
  
3. PN-1531-L11081  
**Senator Dato' (Dr.) Arman Azha bin Abu Hanifah** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan langkah intervensi Kementerian mengenai rangka perancangan secara menyeluruh mengenai reformasi percukaian yang dikenakan kepada rakyat yang kelihatan semakin membebankan susulan kenaikan kos sara hidup yang masih perlu ditangani oleh Kerajaan.
  
4. PN-1531-L10857  
**Senator Tan Sri Datuk Seri Panglima Anifah Bin Aman** minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan :-
  - (a) apakah langkah-langkah yang bakal diambil bagi memastikan kos penerbangan dari atau ke Wilayah Persekutuan Labuan dapat dikurangkan; dan

- (b) adakah kekerapan penerbangan akan ditambah sebagai persiapan orang bercuti sempena musim perayaan akan datang.
5. PN-1531-L10644  
**Senator Datuk Seri Dr. Mujahid bin Yusof** minta **MENTERI EKONOMI** menyatakan bagaimanakah perkembangan Sistem Pangkalan Data Utama (PADU) dan berapakah peratus pendaftaran rakyat Malaysia dalam sistem ini.
6. PN-1531-L10664  
**Senator Dato' Dr. Ahmad Azam bin Hamzah** minta **MENTERI PERALIHAN TENAGA DAN TRANSFORMASI AIR** menyatakan apakah langkah-langkah yang diambil untuk mengatasi cabaran dalam penerapan penyelesaian tenaga boleh diperbaharui di peringkat tempatan dan nasional dan bagaimanakah pihak Kementerian berusaha untuk memperbaiki kesedaran awam mengenai kepentingan penggunaan sumber tenaga yang mampan.
7. PN-1531-L11406  
**Senator Datuk Noraini binti Idris** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan rasionalisasi di sebalik pertimbangan terhadap pewujudan ruang khas merokok di luar kawasan kedai makan sedangkan Menteri seharusnya tegas menegah perbuatan merokok di tempat awam menurut kuasa yang diperuntukkan dalam Seksyen 16(1) Akta Kawalan Produk Merokok Demi Kesihatan Awam 2024 [Akta 852].
8. PN-1531-L11204  
**Senator Tuan Ir. Md. Nasir bin Hashim** minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan sebab dan punca utama jalan raya di Malaysia mudah berlubang-lubang.
9. PN-1531-L10752  
**Senator Datuk Seri Prof. Emeritus Dr. Awang bin Sariyan** minta **MENTERI PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA** menyatakan adakah kempen 'Budi Bahasa Budaya Kita' yang mula dilancarkan pada 11 Januari 2005 di bawah Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Warisan ketika itu masih diteruskan dan apakah program-program utama pengisiannya.
10. PN-1531-L10829  
**Senator Puan Noorita binti Sual** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah status terkini projek pembinaan dan pemasangan bekalan air telaga tiub di sekolah-sekolah pedalaman Sabah dan Sarawak.

11. PN-1531-L10836

**Senator Tuan Seruandi bin Saad** minta **MENTERI KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH** menyatakan apakah inisiatif dan bentuk bantuan yang disediakan oleh pihak Kementerian untuk meningkatkan taraf hidup penduduk luar bandar daripada segi ekonomi dan pendapatan memandangkan taraf kehidupan masyarakat luar bandar masih di tahap rendah dan kadar kemiskinan agak tinggi.

12. PN-1531-L11355

**Senator Datuk Teo Eng Tee @ Teo Kok Chee** minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan :-

- (a) faktor utama kes-kes seperti kecuaiian ibu bapa yang tidak sedar meninggalkan anak-anak mereka di dalam kereta sehingga meragut nyawa anak; dan
- (b) apakah tindakan Kementerian untuk mengelakkan isu ini berulang dan melindungi para ibu bapa dan anak.

13. PN-1531-L10801

**Senator Tuan Manolan bin Mohamad** minta **MENTERI PERPADUAN NEGARA** menyatakan :-

- (a) apakah langkah-langkah yang boleh dilaksanakan oleh Kementerian untuk meningkatkan semangat perpaduan dan toleransi pelbagai kaum dan agama; dan
- (b) adakah Kementerian bercadang untuk mengadakan Hari Perpaduan Negara yang mengandungi beberapa pertandingan yang disertai oleh semua kategori kaum dan peringkat usia.

14. PN-1531-L11427

**Senator Datuk Bobbey Bin Suan** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan bilakah pelaksanaan kerja-kerja pembinaan bangunan baharu Sekolah Komprehensif 9 (K9) Pensiangan akan dimulakan.

15. PN-1531-L10770

**Senator Dato' Ahmad bin Dato' Sri Hj. Ibrahim** minta **MENTERI KOMUNIKASI** menyatakan sama ada penilaian semula servis perkhidmatan syarikat telekomunikasi akan dilaksanakan kerana sejak kebelakangan ini servis perkhidmatan internet dan telefon terjejas teruk.

16. PN-1531-L10902

**Senator Dr. Lingeshwaran A/L Dato' Seri R. Arunasalam** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan :-

- (a) berapa ramai pegawai perubatan yang berstatus kontrak dan berapakah kuota yang akan disediakan bagi menyerap lebih ramai pegawai perubatan ke jawatan tetap pada tahun ini; dan
- (b) berapakah jumlah pegawai perubatan berstatus kontrak yang telah meletak jawatan pada tahun 2021, 2022 dan 2023.

17. PN-1531-L10885

**Senator Datuk Lim Pay Hen** minta **MENTERI EKONOMI** menyatakan pelan Kerajaan bagi meningkatkan kecairan pasaran dalam ekonomi memandangkan rantai ekonomi negara kini dilihat menguncup kesan daripada pengenalan pelbagai cukai dan kenaikan tarif elektrik langsung kepada pengguna.

18. PN-1531-L10842

**Senator Datuk Wira Dr. Mohd Hatta bin Md Ramli** minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan apakah perancangan Kerajaan dalam menangani masalah *brain drain* dalam kalangan pekerja mahir dan separa mahir yang dikatakan berlaku atas faktor pertukaran mata wang yang tinggi terutamanya mereka yang bekerja di negara jiran seperti Singapura.

19. PN-1531-L10684

**Senator Datuk Haji Aziz bin Ariffin** minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan apakah usaha yang diambil oleh pihak Kementerian bagi melaksanakan strategi baharu dalam memastikan rantai bekalan makanan negara dapat ditambah dan dijamin serta mampu menggantikan bekalan makanan yang terpaksa diimport dari negara luar.

20. PN-1531-L10985

**Senator Tuan Amir bin Md Ghazali** minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan apakah tindakan Kementerian dalam merapatkan jurang antara pelajar Institusi Pendidikan Tinggi (IPT) dan komuniti bagi melahirkan generasi rabbani yang cakna dan berdaya tahan tinggi.

21. PN-1531-L10805

**Senator Tuan Abun Sui Anyit** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan :-

- (a) apakah maklumat mengenai Agensi Tunggal Sempadan atau *Single Border Agency* dan bilakah beroperasi; dan

- (b) apakah keupayaan agensi ini menambah baik agensi-agensi sedia ada dalam mengawal sempadan Negara.

22. PN-1531-L10772

**Senator Tuan Manolan bin Mohamad** minta **MENTERI KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH** menyatakan berapakah peratusan pengambilan kakitangan yang berkhidmat di Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA) dalam kalangan Orang Asli pada tahun 2023 dan apakah sasaran pengambilan kakitangan dalam kalangan Orang Asli pada tahun 2024 terutamanya di ibu pejabat Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA).

23. PN-1531-L11396

**Senator Datuk Noraini binti Idris** minta **MENTERI PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI** menyatakan sejauh manakah peruntukan RM1.01 bilion yang disalurkan kepada 62,614 orang usahawan di negeri Sabah sejak tahun 1998 di bawah TEKUN Nasional berjaya membantu dan melahirkan usahawan yang berjaya terutamanya dalam kalangan usahawan mikro dan kecil.

24. PN-1531-L10629

**Senator Tuan Michael Mujah Lihan** minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan :-

- (a) apakah kaedah dan usaha-usaha Kementerian untuk mencungkil bakal atlet yang berasal dari luar bandar; dan
- (b) apakah jaminan kebajikan mereka terpelihara sekiranya mereka cedera dan tidak dapat meneruskan penglibatan sehingga terpaksa bersara awal.

25. PN-1531-L10705

**Senator Datuk Mohd Hisamudin bin Yahaya** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan statistik penceraian mengikut pecahan julat umur pasangan di Mahkamah Syariah negeri-negeri di Malaysia sejak tahun 2020 hingga 2023 serta nyatakan usaha yang diambil oleh pihak Kerajaan untuk mengurangkan kes penceraian terutamanya di Wilayah Persekutuan.

26. PN-1531-L11130

**Senator Puan Rita Sarimah Anak Patrick Insol** minta **MENTERI EKONOMI** menyatakan keberhasilan terkini dan masalah yang dihadapi dalam usaha Kerajaan untuk menoktahkan kemiskinan tegar di negara.

27. PN-1531-L11136  
**Senator Datuk Seri Hajah Zurainah binti Musa** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan keputusan pengampunan Datuk Seri Najib Tun Razak yang telah menyebabkan ketidakpuasan hati sesetengah lapisan masyarakat dan pemohon (Datuk Seri Najib Tun Razak). Apakah usaha yang sedang dilakukan untuk menambah baik proses dan tata kelola Lembaga Pengampunan bagi memastikan keadilan yang saksama bagi semua permohonan awam yang lain.
28. PN-1531-L10674  
**Senator Dato' Dr. Ahmad Azam bin Hamzah** minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan apakah kemajuan terkini dalam pembangunan dan penambahbaikan sistem Jabatan Pengangkutan Jalan (MyJPJ) dan adakah langkah-langkah khusus yang diambil untuk memastikan keselamatan data serta ketidakkbocoran maklumat pengguna dalam sistem MyJPJ.
29. PN-1531-L11319  
**Senator Tuan Nik Mohamad Abduh bin Nik Abdul Aziz** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan jumlah Pendatang Asing Tanpa Izin (PATI) mengikut pecahan negara dan kaedah kawalan kemasukan PATI.
30. PN-1531-L11254  
**Senator Tuan Musoddak bin Ahmad** minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan sejauh mana Kementerian memperhalusi pelan tindakan pengagihan benih padi sah (BPS) serta penyelarasan kuota benih padi bagi memastikan isu ketidakcukupan benih padi dapat diatasi segera.
31. PN-1531-L10660  
**Senator Datuk Seri Dr. Mujahid bin Yusof** minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan apakah usaha Kerajaan untuk menanam enam nilai-nilai teras MADANI kepada pelajar-pelajar Institusi Pendidikan Tinggi (IPT) yang lebih banyak terpengaruh dengan dakwah songsang membenci Kerajaan atas sentimen agama yang tidak berasas.
32. PN-1531-L11019  
**Senator Dato' Sri Ti Lian Ker** minta **MENTERI PERLADANGAN DAN KOMODITI** menyatakan sejauh manakah lonjakan harga koko di pasaran memberi kesan positif kepada pendapatan pekebun tempatan dan apakah strategi Kementerian bagi memanfaatkan sepenuhnya potensi besar industri koko sebagai komoditi negara yang penting.

33. PN-1531-L10853

**Senator Datuk Wira Dr. Mohd Hatta bin Md Ramli** minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan apakah perkembangan terkini pihak Kerajaan dalam usaha mewujudkan institusi pendidikan yang berkonsepkan Wakaf seperti yang dilaksanakan di kebanyakan universiti di negara Timur Tengah.

34. PN-1531-L11285

**Senator Tuan Mohd Hasbie bin Muda** minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan berapakah kadar sara diri (SSR) daging lembu dan daging kerbau di negara ini dan apakah usaha Kerajaan dalam meningkatkan tahap SSR tersebut.

35. PN-1531-L10950

**Senator Dato' Dr. Nelson A/L Renganathan** minta **MENTERI PERPADUAN NEGARA** menyatakan apakah kaedah yang digunakan oleh Kementerian untuk mengukur tahap perpaduan di antara kaum di negara ini, dan adakah ukuran ini dapat memberi gambaran status perpaduan mengikut negeri, daerah dan sebagainya.

36. PN-1531-L11333

**Senator Datuk Razali bin Idris** minta **MENTERI PERLADANGAN DAN KOMODITI** menyatakan :-

- (a) sumbangan sektor agrikomoditi negara ke atas Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) pada tahun 2020, 2021, 2022 dan 2023 serta jangkaan pada 2024; dan
- (b) sumbangan eksport komoditi sawit negara ke luar negara pada tahun 2020, 2021, 2022 dan 2023.

37. PN-1531-L10878

**Senator Tuan Roderick Wong Siew Lead** minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan bilakah Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) Cawangan Sarikei yang baru akan dibuka.

38. PN-1531-L11342

**Senator Datin Ros Suryati binti Alang** minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan kesediaan Kementerian untuk menaik taraf Institut Kemahiran Tinggi Belia Negara (IKTBN) dan Institut Kemahiran Belia Negara (IKBN) dengan menawarkan kursus di peringkat sarjana muda dan menjadikan IKTBN dan IKBN sebagai Universiti Kemahiran Tinggi Belia Negara (UKTBN).

39. PN-1531-L11097

**Senator Prof. Tan Sri Datuk Dr. Hj. Mohamed Haniffa bin Hj. Abdullah** minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan strategi Kementerian untuk memastikan kurikulum universiti lebih selaras dengan keperluan industri dan usaha-usaha yang diambil untuk mengurangkan jurang kemahiran graduan dengan keperluan industri demi meningkatkan kesesuaian graduan untuk pasaran kerja.

40. PN-1531-L11041

**Senator Dato' Kesavadas A/L A.Achyuthan Nair** minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan apakah bentuk campur tangan eksekutif yang dilaksanakan menerusi perhatian bersama Persatuan Bola Sepak Malaysia (FAM) dalam menerapkan nilai-nilai identiti kebangsaan dalam diri setiap pemain naturalisasi pasukan Harimau Malaya di samping memastikan mereka mampu bertutur asas bahasa kebangsaan dan menyanyikan sepenuhnya lagu Negaraku.

41. PN-1531-L10999

**Senator Tan Sri Dato' Low Kian Chuan** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan :-

- (a) apakah kesan dan kebimbangan terhadap pelaksanaan Cukai Barang Bernilai Tinggi kepada industri perniagaan; dan
- (b) bagaimanakah ketersediaan pelaksanaan Cukai Barang Bernilai Tinggi yang bakal dilaksanakan pada bulan Mei 2024.

42. PN-1531-L11274

**Senator Dr. Wan Martina binti Wan Yusoff** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan statistik kes terbantut dalam kalangan kanak-kanak bersekolah dan bagaimanakah pihak Kerajaan memantau program makanan tambahan bagi menjamin kualiti yang memenuhi keperluan nutrisi harian kanak-kanak.

43. PN-1531-L11112

**Senator Dato' Juhanis binti Abd Aziz** minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan berapakah statistik kes kanak-kanak maut akibat ditinggalkan di dalam kenderaan kerana kecuaiannya ibu bapa dan adakah terdapat sebarang usaha daripada pihak Kementerian untuk meningkatkan kesedaran mengenai keseriusan isu ini serta apakah bentuk bantuan sokongan yang diberikan kepada keluarga yang terlibat.

44. PN-1531-L10996

**Senator Datuk Dr. Dominic Lau Hoe Chai** minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN KELESTARIAN ALAM** menyatakan jumlah perubahan populasi Harimau Malaya dalam 10 tahun kebelakangan ini, dan pendekatan yang sedang diambil oleh Kementerian dalam melindungi Harimau Malaya.

45. PN-1531-L10711

**Senator Datuk Mohd Hisamudin bin Yahaya** minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan berapa buah negeri yang telah memberikan sokongan menyertai projek SMART Sawah Berskala Besar (SMART SBB) Mini Sekinchan yang bertujuan bagi melonjakkan hasil padi negara dan apakah bentuk bantuan yang disalurkan oleh pihak Kerajaan kepada pemilik tanah dan pengusaha sawah yang berminat.

46. PN-1531-L11365

**Senator Dato' Sri Vell Paari A/L Tun Samy Vellu** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan usaha yang dilakukan oleh pihak Kerajaan untuk memastikan sumbangan serta dana kebajikan diuruskan dengan telus oleh pihak-pihak yang bertanggungjawab.

47. PN-1531-L10806

**Senator Tuan Abun Sui Anyit** minta **MENTERI PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA** menyatakan perancangan rapi Kementerian untuk menjadikan Malaysia terutamanya Sarawak sebagai destinasi utama pelancong-pelancong antarabangsa melawat Sarawak tahun Melawat Malaysia pada tahun 2026.

48. PN-1531-L10867

**Senator Tuan Roderick Wong Siew Lead** minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan apakah perkembangan terkini bagi projek menarik taraf Kompleks Sukan Bintangor, Sarikei yang mempunyai trek larian, padang bola sepak dan fasiliti lain yang telah uzur dan tidak selamat untuk digunakan.

49. PN-1531-L11310

**Senator Datuk Razali bin Idris** minta **MENTERI KOMUNIKASI** menyatakan rasional dan kerelevanan peranan jurucakap Kerajaan Perpaduan yang digalas oleh Menteri Komunikasi dalam hal ehwal kepengurusan komunikasi strategik bagi menyampaikan agenda dan polisi Kerajaan.

50. PN-1531-L11146  
**Senator Tan Sri Haji Mohamad Fatmi bin Che Salleh** minta **MENTERI KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH** menyatakan adakah program 'Satu Kampung Satu Produk' akan dilaksanakan di negeri yang mempunyai Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) terendah atau mengambil kira potensi Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) di negeri tersebut terlebih dahulu dan adakah produk yang dikeluarkan hanya terhad mengikut permintaan antarabangsa.
51. PN-1531-L10730  
**Senator Tuan Seruandi bin Saad** minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN KOS SARA HIDUP** menyatakan apakah usaha yang diambil oleh pihak Kementerian dalam membanteras ketirisan barang kawalan di seluruh negara.
52. PN-1531-L10925  
**Senator Tuan Amir bin Md Ghazali** minta **MENTERI PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA** menyatakan apakah langkah bagi meningkatkan infrastruktur pelancongan di kawasan-kawasan terpencil dan luar bandar agar dapat menarik lebih perhatian serta minat pelancong dalam negara mahupun luar negara supaya berkunjung ke destinasi tersebut dengan penginapan serta pengangkutan yang lebih efisien dan pelbagai.
53. PN-1531-L10640  
**Senator Tuan Michael Mujah Lihan** minta **MENTERI KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH** menyatakan apakah inisiatif Kementerian dalam usaha menjamin kesejahteraan penduduk luar bandar dan golongan minoriti seperti masyarakat Orang Ulu di Sarawak agar kemakmuran negara dapat dinikmati secara adil dan saksama.
54. PN-1531-L10953  
**Senator Dato' Sivaraj A/L Chandran** minta **MENTERI EKONOMI** menyatakan apakah tujuan membangunkan Pangkalan Data Utama (PADU) sekiranya telah menggunakan data daripada Jabatan dan agensi yang terkumpul daripada 217 Jabatan dan agensi Kerajaan bagi program berkaitan Kerajaan termasuk penyasaran subsidi seperti mana yang telah dinyatakan oleh Menteri Komunikasi memandangkan setakat 22 Februari 2024 hanya 3.43 juta yang telah berdaftar di bawah sistem PADU.
55. PN-1531-L11226  
**Senator Tuan Mohd Hasbie bin Muda** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan bilakah persempadanan semula kawasan pilihanraya dijangka akan dilaksanakan.

56. PN-1531-L11211

**Senator Tuan Haji Hussin bin Ismail** minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN KOS SARA HIDUP** menyatakan cadangan Kerajaan dalam melaksanakan inisiatif sistem pemantauan bagi mengatasi isu penyelewengan minyak petrol bersubsidi RON95 oleh warga asing.

57. PN-1531-L11384

**Senator Dato' Sri Vell Paari A/L Tun Samy Vellu** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan berapakah jumlah kes jenayah yang dilakukan oleh warga asing dan pecahan mengikut negara sejak tahun 2018.

58. PN-1531-L11050

**Senator Datuk Haji Mustafa bin Musa** minta **MENTERI PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA** menyatakan peruntukan bagi aktiviti promosi pelancongan dan pengisian aktiviti seni budaya bagi negeri Melaka sempena Tahun Melawat Melaka 2024.

59. PN-1531-L11416

**Senator Datuk Bobbey Bin Suan** minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan apakah galakan Kementerian bagi mempelbagaikan jenis makanan termasuk buah-buahan selain padi agar Malaysia dikenali sebagai pengeluar terbesar di Asia dan dunia.

60. PN-1531-L10931

**Senator Dato' Sivaraj A/L Chandran** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah langkah yang diambil oleh Kementerian untuk mengatasi masalah kes penceraian dalam kalangan guru yang semakin meningkat di Malaysia disebabkan oleh kegagalan untuk mendapatkan tempat pertukaran atau berada dalam situasi perhubungan jarak jauh.

61. PN-1531-L10699

**Senator Datuk Dr. Dominic Lau Hoe Chai** minta **MENTERI SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI** menyatakan pandangan Kementerian mengenai potensi kerjasama dengan China dalam sektor angkasa lepas serta usaha-usaha yang dilaksanakan Kerajaan dalam mengembangkan sektor angkasa lepas sejak tahun 2023.

62. PN-1531-L11182

**Senator Tuan Haji Abdul Nasir bin Haji Idris** minta **MENTERI DIGITAL** menyatakan sama ada program kecerdasan buatan (AI) untuk rakyat yang dilancarkan oleh Kerajaan telah mengambil kira golongan rentan seperti buta, pekak dan bisu yang merupakan penerima manfaat kepada program ini.

63. PN-1531-L11117  
**Senator Puan Rita Sarimah Anak Patrick Insol** minta **MENTERI EKONOMI** menyatakan pencapaian kaum Dayak daripada segi sosioekonomi dan adakah Kerajaan akan membentuk dasar dan rancangan khusus untuk memperkasakan ekonomi kaum Dayak bagi memastikan kelestarian dan kesaksamaan agar kaum Dayak tidak ketinggalan.
64. PN-1531-L11171  
**Senator Prof. Tan Sri Datuk Dr. Hj. Mohamed Haniffa bin Hj. Abdullah** minta **MENTERI PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA** menyatakan kesan daripada kenaikan kadar cukai pada 1 Mac ini yang berisiko memberi impak negatif terhadap industri pelancongan negara memandangkan kadar penginapan hotel dijangka meningkat antara 10 hingga 30 peratus.
65. PN-1531-L11010  
**Senator Tan Sri Dato' Low Kian Chuan** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apakah usaha-usaha semasa untuk menambah baik garis panduan sedia ada untuk menyegerakan pengeluaran Kad Perjalanan Perniagaan APEC.
66. PN-1531-L11092  
**Senator Dato' Juhanis binti Abd Aziz** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan adakah Kerajaan bercadang untuk memperkenalkan sistem peperiksaan bagi menggantikan UPSR dan PT3 dan apakah langkah-langkah Kerajaan dalam mengukuhkan sistem Pentaksiran Berasaskan Sekolah (PBS).
67. PN-1531-L11346  
**Senator Dato' Shamsuddin bin Haji Abd Ghaffar** minta **MENTERI PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA** menyatakan berapa jumlah pelancong daripada negara China pada tahun 2023 dan berapakah nilai sumbangannya kepada sektor pelancongan di negara ini.
68. PN-1531-L11030  
**Senator Dato' Ajis bin Sitin** minta **MENTERI KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH** menyatakan apakah pihak Kerajaan bercadang untuk membina Jalan Perhubungan Desa (JPD) dari Rancangan Pengumpulan Semula (RPS) Kuala Betis ke Pos Gob dalam Jajahan Gua Musang, Kelantan kerana jalan tersebut sering terputus setiap kali musim tengkujuh.

69. PN-1531-L11290

**Senator Dr. Wan Martina binti Wan Yusoff** minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan apakah langkah-langkah yang telah diambil untuk memastikan warga belia mempunyai jati diri dan sayangkan negara serta tidak terpengaruh dengan budaya luar yang tidak sihat.

70. PN-1531-L11174

**Senator Tuan Haji Hussin bin Ismail** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan :-

- (a) strategi yang lebih tegas pihak Kerajaan untuk menjadikan Malaysia sifar PATI; dan
- (b) membanteras kegiatan warga asing yang berleluasa dalam jenayah rompak, penipuan, pelacuran dan lain-lain.

71. PN-1531-L10742

**Senator Puan Susan Chemerai Anding** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan bagaimanakah Kerajaan memastikan kebebasan dan keberkesanan agensi dan institusi antirasuah.

72. PN-1531-L11221

**Senator Dato' Haji Husain bin Awang** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan pemerksaan pelaksanaan dasar Bumiputera dalam kerangka ekonomi MADANI.

73. PN-1531-L11193

**Senator Tuan Haji Abdul Nasir bin Haji Idris** minta **MENTERI PERLADANGAN DAN KOMODITI** menyatakan usaha yang dilakukan oleh Kerajaan bagi meningkatkan promosi komoditi tempatan ke negara Eropah lain yang masih stabil daripada segi ekonomi seperti Perancis.

**ATURAN URUSAN MESYUARAT DAN USUL-USUL**

1. **Senator Datuk Seri Dr. Mujahid bin Yusof** akan mencadangkan :-

“Bahawa suatu ucapan yang tidak sepatunya dipersembahkan kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, demikian bunyinya :

“Ampun Tuanku,

Patik, Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Dewan Negara Malaysia di dalam Persidangan Parlimen, memohon ampun mempersembahkan suatu ucapan yang ikhlas daripada Majlis Dewan Negara mengucapkan berbanyak-banyak syukur dan menjunjung kasih Titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong semasa membuka Penggal Ketiga, Parlimen Yang Kelima Belas.”

- **Menyambung semula Perbahasan atas masalah**

**( 18 Mac 2024)**

- |    |                 |  |                       |                                     |
|----|-----------------|--|-----------------------|-------------------------------------|
| 2. | ( D.R.40/2023 ) | Rang Undang-undang Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (Pindaan) 2023 |                       | <b>Bacaan Kali Kedua dan Ketiga</b> |
|    |                 | <b>[ Perdana Menteri ]</b>   |                       |                                     |
| 3. | *( D.R.4/2024 ) | Rang Undang-undang Tambahan (2023) 2024                                  | Perbekalan            | <b>Bacaan Kali Kedua di DR</b>      |
|    |                 | <b>[ Menteri Kewangan ]</b>  |                       |                                     |
| 4. | *( D.R.5/2024 ) | Rang Undang-undang (Penguntungan Semula Perbelanjaan) 2024               | Perbekalan Peruntukan | <b>Bacaan Kali Kedua di DR</b>      |
|    |                 | <b>[ Menteri Kewangan ]</b>  |                       |                                     |
| 5. | *( D.R.1/2024 ) | Rang Undang-undang Perkhidmatan Wang (Pindaan) 2024                      | Perniagaan            | <b>Bacaan Kali Kedua di DR</b>      |
|    |                 | <b>[ Menteri Kewangan ]</b>  |                       |                                     |

6. \*( D.R.3/2024 ) Rang Undang-undang Wang Tak Dituntut (Pindaan) 2024 **Bacaan Kali Kedua di DR**
- [ Menteri Kewangan ]**
7. \*( D.R.41/2023 ) Rang Undang-undang Kekebalan Bidang Kuasa Negara Asing 2023 **Bacaan Kali Kedua di DR**
- [ Perdana Menteri ]**
8. \*( D.R.38/2023 ) Rang Undang-undang Bantuan Bersama dalam Perkara Jenayah(Pindaan) 2023 **Bacaan Kali Kedua di DR**
- [ Perdana Menteri ]**
9. \*( D.R.39/2023 ) Rang Undang-undang Universiti dan Kolej Universiti (Pindaan) 2023 **Bacaan Kali Kedua di DR**
- [ Menteri Pendidikan Tinggi ]**
10. \*( D.R.35/2023 ) Rang Undang-undang Kualiti Alam Sekeliling (Pindaan) 2023 **Bacaan Kali Kedua di DR**
- [ Menteri Sumber Asli Dan Kelestarian Alam ]**
11. \*( D.R.37/2023 ) Rang Undang-undang Lembaga Lebuh Raya Malaysia (Pemerbadanan) (Pindaan) 2023 **Bacaan Kali Kedua di DR**
- [ Menteri Kerja Raya ]**

- |     |                 |   |                                  |
|-----|-----------------|---|----------------------------------|
| 12. | *( D.R.2/2024 ) | Rang Undang-undang Juruukur Tanah Berlesen (Pindaan) 2024<br><br>[ Menteri Sumber Asli Dan Kelestarian Alam ] | <b>Bacaan Kali Kedua di DR</b>   |
| 13. | *( D.R.6/2024 ) | Rang Undang-undang Polis (Pindaan) 2024<br><br>[ Menteri Dalam Negeri ]                                       | <b>Bacaan Kali Pertama di DR</b> |

---

\*Menandakan bahawa Rang Undang-undang ini akan dipertimbangkan pada semua Peringkat oleh Dewan Negara tertakluk kepada Rang Undang-undang tersebut diserahkan oleh Dewan Rakyat.

**RISALAT-RISALAT YANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT  
(DEWAN NEGARA)**

<b><u>TAHUN 2024</u></b>	<b><u>RISALAT/DOKUMEN</u></b>	<b><u>TARIKH DIBENTANGKAN</u></b>
CMD 3	Anggaran Perbelanjaan Mengurus Tambahan Pertama 2023	19 Mac 2024
CMD 3A	Memorandum Perbendaharaan Mengenai Anggaran Perbelanjaan Mengurus Tambahan Pertama Tahun 2023 Bagi Kerajaan Malaysia	19 Mac 2024
CMD 5	Penyata Keluaran Wang Daripada Kumpulan Wang Luar Jangka Bagi Tempoh 1 Januari 2023 Hingga 31 Disember 2023 Menurut Peraturan 68 Di Bawah Peraturan-Peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Rakyat	19 Mac 2024
CMD 6	Anggaran Perbelanjaan Mengurus (Penguntungan Semula Peruntukan Perbelanjaan) Tahun 2024	19 Mac 2024
CMD 6A	Memorandum Perbendaharaan Mengenai Anggaran Perbelanjaan Mengurus (Penguntungan Semula Peruntukan Perbelanjaan) Tahun 2024 Bagi Kerajaan Malaysia	19 Mac 2024